

# PENDAFTARAN SUKARELAWAN ASEAN UNIVERSITY GAMES 2008 (11-21 DISEMBER 2008)

Malaysia akan menjadi tuan rumah Kejohanan Sukan Universiti ASEAN ataupun lebih dikenali sebagai ASEAN UNIVERSITY GAMES (AUG) 2008. Kejohanan ini akan berlangsung pada 11 Disember sehingga 21 Disember 2008 bertempat di Lembah Klang (Kompleks Sukan Bukit Jalil/UITM Shah Alam/ USIM, Nilai/UKM Bangi)

Kejohanan antara universiti-universiti rantau asia tenggara ini bakal melibatkan penyertaan 11 buah negara serantau termasuk Thailand, Singapura, Indonesia dan lain-lain. AUG 2008 akan mempertandingkan sebanyak 21 buah acara sukan dan dijangka melibatkan seramai 7000 orang pegawai dan jurulatih.

Diantara acara yang dipertandingkan adalah:

<i>Bola Sepak (L Olahraga (L/W)</i>	<i>Tenpin Boling (L/W Sepak Takraw</i>	<i>Badminton (L/W) Ragbi 7'S</i>
<i>Renang (L/W)</i>	<i>Bola Jaring</i>	<i>Memamah (L/W)</i>
<i>Hoki (L/W)</i>	<i>Karate-Do (L/W)</i>	<i>Taekwondo (L/W)</i>
<i>Ping Pong (L/W)</i>	<i>Menembak (L/W)</i>	<i>Silat Olahraga (L/W)</i>
<i>Boling Padang (L/W)</i>	<i>Skuasy (L/W)</i>	<i>Beach Volleyball</i>
<i>Golf</i>		

Sehubungan dengan itu, UKM yang telah dilantik oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebagai Sekretariat Sukarelawan AUG 2008 mempelawa dan membuka peluang kepada para pelajar dan kakitangan yang berminat untuk menjadi sukarelawan sempena kejohanan ini boleh mengisi borang pendaftaran sukarelawan yang boleh dilayari secara on-line di laman web [www.aug2008.com.my](http://www.aug2008.com.my) (ruangan volunteers). Seramai 1550 orang sukarelawan diperlukan bagi menjayakan AUG 2008. Diantara kriteria yang diperlukan:

- Berminat dalam bidang sukan
- Melibatkan diri dalam bidang sukan
- Berpengalaman sebagai sukarelawan
- Komited dan fleksibel dalam pelbagai situasi
- Sihat tubuh badan

Pendaftaran sukarelawan dibuka mulai **7 April 2008** dan ditutup pada **22 April 2008**.

Sebarang pertanyaan sila hubungi En. Mohd Razizi Midin di talian 03-89215177/0179262765(Bahagian Pengurusan Acara, Pusat Sukan)